

BN landasan terbaik untuk rakyat

Utusan Online

12 April, 2013

BEAUFORT 11 April - Rakyat Sabah telah membuat pilihan tepat dengan memilih Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum terdahulu dan keputusan itu perlu dikekalkan kerana pembangkang terbukti tidak mampu menunaikan janji mereka.

Penyandang Dewan Undangan Negeri Klias, Datuk Azizah Mohd. Dun berkata, rakyat tidak harus menjadi korban 'anasir' yang hanya pandai memancing undi rakyat tetapi tidak mengotakannya.

"Kerajaan BN adalah landasan terbaik untuk rakyat meneruskan kehidupan sejahtera di negara ini. Jangan terpedaya dengan helah pembangkang yang mahu memesongkan kita daripada keadaan yang cukup selesa ini," katanya selepas Program Jelajah Salam Salam Wanita UMNO Bahagian Beaufort di Kampung Linsuk, Kuala Penyu, dekat sini semalam.

Tambah Azizah, ketika ini, rakyat di negeri-negeri yang diperintah pembangkang telah sedar dan kembali memberi sokongan padu kepada BN.

Dalam pada itu, Azizah yang juga Exco Wanita UMNO turut meminta semua ahli BN khususnya jentera pilihan raya di kawasan Klias bekerja keras dan bertekad memastikan kemenangan BN.

"Sebagai orang parti, kita tiada pilihan kerana BN adalah kerajaan yang telah banyak berjasa. Kita perlu bersatu hati dan bekerja kuat untuk sama-sama memastikan kemenangan BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-13," tegasnya.

Beliau turut meminta rakyat menilai segala kebaikan yang dinikmati hasil usaha berterusan kerajaan BN membangunkan negeri ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130412/px_42/BN-landasan-terbaik-untuk-rakyat#ixzz2a0IzPpJk